


18 rileks

kembara

Foto Zunnur Al-Shafiq / BH



20 km  
persegi

Keluasan Pulau Tuba

*Pesona indah* perkampungan nelayan yang terdapat di sekitar Pulau Tuba.

*Bot nelayan* berlabuh di jeti memungkah hasil tangkapan.

# Panorama menakjubkan

BH

# 5 km

Jarak Pulau Tuba  
dari Langkawi

# 10 minit

Perjalanan dengan  
bot laju

Info

→ **Pulau Tuba** digelar Langkawi lama kerana masih mengekalkan keasliannya, tiada pembangunan melampau. Penduduknya mengamalkan cara kehidupan tradisional sebagai nelayan.

→ **Hanya tiga pulau** di gugusan kepulauan Langkawi yang berpenghuni iaitu Langkawi, Pulau Rebak dan Tuba.

→ **Ada lebih lima resort popular** sekitar Pulau Tuba yang berkorsepkan hotel bajet atau inap desa. Namun, tetap menjadi pilihan pelancong asing yang menghargai keaslian dan alam semula jadi.

## → Pulau Tuba gambaran Langkawi masa silam

Oleh Zubir Mohd Yunus  
zubir\_yunus@bh.com.my

**A**pa yang ada di Pulau Tuba? Itulah pertanyaan yang berlegar di fikiran penulis apabila melewati pulau itu ketika belayar di atas feri menuju ke Langkawi.

Berdasarkan cakap orang, jika ingin melihat suasana Langkawi kira-kira 20 atau 30 tahun dahulu, berkunjunglah ke Pulau Tuba.

Jeti Marble dan Jeti Pelancongan terletak

berdekatan pekan Kuah, Langkawi menyediakan perkhidmatan bot laju ke Pulau Tuba. Kebetulan pemandu bot dan pelancong, Shafarizan Shahidan, 32, adalah anak jati Pulau Tuba, justeru, memudahkan lagi penulis memperoleh maklumat yang diperlukan.

Shafarizan menjelaskan, suasana yang bakal dinikmati ketika berlabuh di Pulau Tuba, itulah pemandangan Langkawi suatu ketika dulu yang bebas daripada kerakusan pembangunan apabila hanya kelihatan deretan



**Pasangan** nelayan, Hashim Awang dan Rohani Hassan memukat udang kaki merah.



**Pukat** pada pancang dibina di tepi pantai untuk menjerat burung wak-wak.

rumah kampung dibina di sepanjang pantai kerana rata-rata penduduknya bekerja sebagai nelayan.

### Dilengkapi kemudahan asas

Ternyata panorama pulau Tuba memang mempesona dan sangat santai. Pemandangan jeti, kampung dan bot nelayan yang berlabuh serta lambaian dedaun pohon kelapa yang ditiup bayu pantai, seolah-olah menyambut kedatangan kami. Ia ibarat sebuah lukisan cantik dalam pameran atau 'wall paper' yang dipaparkan menerusi telefon pintar!

Masih terdapat beberapa kampung di pulau ini, selain dilengkapi sekolah, asrama, balai polis, klinik kesihatan dan masjid, beberapa chalet yang diusahakan penduduk kampung kepada pelancong yang menggemari suasana tradisional kehidupan nelayan.

Ketika leka menelusuri pulau berkenaan, kami terserempak dengan pasangan nelayan yang sedang 'berjemur' di atas bot di tengah lautan menanti pukat mereka dipenuhi hasil tangkapan. Ketika ditemui, Hashim Awang dan Rohani Hassan yang berasal dari Pulau Tuba, memberitahu ketika ini musim udang kaki merah atau udang A.

### Habitat burung wak-wak

Penulis tidak melepaskan peluang membeli udang A



Shafarizan Shahidan

seberat 1.5 kilogram dengan harga RM50 saja. Di jeti pekan Kuah, sekilogram harganya dua kali ganda!

Tambah Shafarizan, selain hasil laut yang menjadi tarikan pengunjung, Pulau Tuba adalah habitat burung wak-wak sekitar Oktober hingga Disember.

Pada beberapa bahagian Pulau Tuba, terdapat kira-kira 15 kampung, tetapi yang sering dilawati pengunjung termasuklah Kampung Teluk Bujur, Kampung Bukit Putih dan Kampung Lubuk Cempedak yang menawarkan pesona indah.

Sebagai nilai tambah kepada pelancong yang bercuti ke gugusan kepulauan Langkawi, penulis menyarankan bertandang ke Pulau Tuba bagi memperoleh pengalaman dan keunikan yang ditawarkan. Bermalam di sana dan hayati pemandangan menakjubkan, selain menikmati 'syurga' makanan laut tanpa had!

16/11  
25/12/16  
M/S - 18